

# HADIS-HADIS MASYHUR DALAM MASYARAKAT ISLAM

Oleh:  
Hilaluddin b. Abdullah<sup>1</sup>

## Abstrak

*Artikel ini mengupas maksud hadis-hadis masyhur dalam masyarakat Islam dengan menjadikan beberapa hadis sebagai bahan kajian. Persoalan kajian ini ialah untuk mengenal pasti hukum hadis-hadis tersebut secara jelas. Penulis menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan merujuk kepada kitab-kitab hadis yang muhtabar khususnya kitab-kitab hadis yang membicarakan hadis-hadis masyhur yang sering disebut-sebut oleh masyarakat. Akhirnya, kajian ini mendapati bahawa hadis-hadis masyhur dalam masyarakat Islam bercampur-campur hukumnya. Namun hadis-hadis masyhur yang paling banyak ialah hadis-hadis yang tidak kuat dan tidak boleh dijadikan sandaran.*

**Kata kunci:** *Hadis, Hadis Masyhur, Masyarakat, Riwayat*

## PENDAHULUAN

Hadis-hadis yang sah datangnya daripada Nabi S.A.W dipelihara oleh Allah S.W.T seperti mana al-Quran. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T:

﴿إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ﴾

(al- Hġjr 15 : 9)

*Sesungguhnya Kamilah (Allah) yang menurunkan al-Dhikr.  
Dan Kamilah yang benar-benar menjaganya.*

*Al-Dhikr* di sini bermaksud al-Quran.<sup>2</sup> Al-Qurtubġ ada menyebut pendapat yang mengatakan *al-Dhikr* di dalam ayat diatas termasuklah juga penjagaan hadis daripada dipalsukan.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Hilaluddin b. Abdullah (Ph.D), Pensyarah Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

<sup>2</sup> Lihat Ismġ'ġl b. 'Umar b. Kathġr (2000), *Tafsġr al-Qur'ġn al-'Azġm*, t.q. Muġtafġ al-Sayyid Muġammad *et al* , j. 8, c. 1. Jizah: Mu'assasah Qurtubah, h. 246 dan

Hadis-hadis Nabi S.A.W ini juga merupakan rujukan kedua selepas al-Quran dalam agama Islam.<sup>4</sup> Ia sekaligus menafsir ayat-ayat al-Quran yang memerlukan penjelasan untuk difahami dan dilaksanakan. Firman Allah S.W.T :

﴿وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ إِلَّا لِتُبَيِّنَ لَهُمُ الَّذِي اخْتَلَفُوا فِيهِ وَهُدًى

وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ﴾

(Al-Nahl 16 : 64)

*Dan Kami tidak menurunkan kepada engkau Kitab ini melainkan agar engkau dapat menjelaskan kepada mereka apa yang mereka perselisihkan itu dan menjadi pentunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman.*

Dilihat hadis sebagai sumber ilmu, maka para ulama bersungguh-sungguh menyebarkan hadis dan mengajarnya kepada masyarakat, sehingga tersebarlah hadis-hadis dalam masyarakat secara lisan maupun secara tulisan. Tindakan ini bertepatan dengan kehendak hadis Nabi S.A.W :

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً<sup>5</sup>

*Sampaikan apa-apa dariku walaupun satu ayat (al-Quran atau satu hadis).*

## PENGERTIAN HADIS MASYHUR DALAM MASYARAKAT ISLAM

Seperti yang diketahui, hadis ialah mana-mana perkataan, perbuatan, pengakuan, fizikal dan akhlak Nabi S.A.W.<sup>6</sup> Manakala 'lafaz masyhur'

Muhammad b. Jarir al-Tabari (2001), *Tafsir al-Tabari Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Qur'an*, t.q. Dr. 'Abdullah al-Turki, j. 14, c.1, al-Qahirah: Dar Hajr, h. 19.

<sup>3</sup> Muhammad b. Ahmad b. Abi Bakr al-Qurtubi (t.t), *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, j. 10, c. 2, al-Riyad: Dar 'Alam al-Kutub, h. 6.

<sup>4</sup> Nur al-Din Itr (1981), *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith*, c.3, Dimashq: Dar al-Fikr, h. 21.

<sup>5</sup> Muhammad b. Isma'il al-Bukhari, *Shahih al-Bukhari*, kitab Ahadith al-Anbiya', bab hadith Abraha wa A'ma, no.h. 3461, al-Riyad: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah li al-Nashr, h. 666.

<sup>6</sup> Muhammad b. Muhammad Abu Shahbah (t.t), *al-Wasit fi 'Ulum wa Mustalah al-Hadith*, al-Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabī, h. 16, Lihat Subhi al-Salih (1981), *'Ulum al-Hadith wa Mustalahuh*, c.6, Bayrut: Dar al-'Ilm li al-Malāyin, h. 3, Ahmad 'Umar Hashim (2000), *Mabahith fi al-Hadith al-Sharif*, c.1, al-Qahirah: Maktabah al-Shuruq, h. 13 dan Muhammad Mahmud Ahmad Bakkār (2012), *Bulugh al-Amal min Mustalah al-Hadith wa al-Rijal*, c. 1, al-Qahirah: Dar al-Salam, h. 19.

pula berasal dari bahasa Arab. Asal dari *shahara* (شَهْر), *yashharu* (يَشْهَرُ), *shahran* (شَهْرًا) dan *shuhratan* (شُهْرَةً).<sup>7</sup> Secara tertib ia bermaksud telah tersebar, sedang dan akan tersebar, penyebaran serta pengedaran. *Mashhūr* (مَشْهُورٌ) pula bermaksud dikenali (setelah tersebar).<sup>8</sup>

Hadis masyhur dalam masyarakat juga disebut hadis masyhur (bukan istilah) atau hadis masyhur di lidah manusia عَلَى الْحَدِيثِ الْمَشْهُورِ عَلَى (السِّنَةِ النَّاسِ). Ia boleh difahami sebagai hadis-hadis yang tersebar, beredar dan kerap disebut oleh sebahagian masyarakat Islam. Kata ‘masyhur’ itu hanya dari sudut makna bahasanya sahaja. Ia tidak bermaksud hadis masyhur (istilah) seperti di dalam perbincangan Ilmu *Muṣṭalah* Hadis (مُصْطَلَحُ الْحَدِيثِ).<sup>9</sup> Maksudnya tidak disyaratkan tiga orang perawi atau lebih pada setiap peringkat iaitu pada peringkat *Ṣaḥābah*, *Tābi’īn* dan *Atbā’ al-Tābi’īn*. Bahkan seorang perawi dan lebih pun sudah dikira hadis Masyhur sekiranya ia beredar dalam masyarakat dan ia sering disebut oleh mereka.<sup>10</sup>

## BENTUK-BENTUK HADIS MASYHUR DALAM MASYARAKAT ISLAM

Hadis-hadis Masyhur dalam masyarakat Islam kadang-kadang merujuk kepada kelompok masyarakat tertentu seperti kelompok ahli Hadis, ulama Fikah, ahli bahasa Arab dan orang-orang awam. Dari segi hukum pula, hadis Masyhur yang beredar dalam masyarakat kadang-kadang ada yang *Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan*, lemah (*Da’īf*), sangat lemah (*Da’īf Jiddan*) dan ada juga yang rekaan (*Mawḍū’*). Ada pula yang lemah tetapi maknanya boleh diterima (sahih maknanya). Kadang-kadang terjadi juga pada satu-satu hadis terdapat lebih daripada satu hukum. Dilihat dari segi sanad pula, hadis-hadis Masyhur ini ada yang mempunyai satu sanad, ada yang dua sanad atau lebih dan ada juga yang tiada sanad langsung (*Lā Aṣl Lah*).<sup>11</sup>

<sup>7</sup> Ibn Manẓūr (t.t), *Lisān al-‘Arab*, j. 1, t.tp: Dār al-Ma’arif, h. 2351.

<sup>8</sup> *Ibid*.

<sup>9</sup> Hadis Masyhur (istilah) (المَشْهُورُ الاصْطِلَاحِي) merupakan satu pecahan daripada hadis *Āḥād* iaitu *Mashhūr*, ‘*Azīz* dan *Gharīb*. Hadis masyhur (istilah) ialah hadis yang diriwayatkan oleh tiga orang perawi dan lebih pada setiap peringkat: *Ṣaḥābah*, *Tābi’īn* (generasi selepas sahabat) dan *atbā’ al-tābi’īn* (generasi selepas *tābi’īn*) tetapi tidak sampai ke peringkat *Mutawātir* (sekurang-kurang bilangan perawinya sepuluh orang pada setiap peringkat atau lebih). Bilangan perawi untuk hadis ‘*Azīz* tidak kurang daripada dua perawi di setiap peringkat. Manakala hadis *Gharīb* pula hanya seorang perawi walaupun hanya pada satu peringkat sahaja. Lihat Maḥmūd al-Taḥḥān (2004), *al-Manhaj al-Ḥadīth fī Muṣṭalah al-Ḥadīth*, cet. 1, al-Riyād: Maktabah al-Ma’arif, h. 11-21.

<sup>10</sup> *Ibid*, h. 15.

<sup>11</sup> Istilah tiada asal (لَا أَصْلَ لَهُ) dengan maksud tiada sanad langsung diguna pakai oleh pengarang-pengarang kitab hadis-hadis masyhur dalam masyarakat dan juga hadis-

Manakala jumlah hadis-hadis Masyhur pula berbeza-beza menurut zaman atau tempat. Mana-mana hadis Masyhur tidak semestinya ia menjadi sahih lantaran kemasyhurannya itu.<sup>12</sup>

## **PENGUMPULAN HADIS-HADIS MASYHUR DALAM MASYARAKAT ISLAM**

Pada zaman Nabi S.A.W, hadis-hadis diambil secara langsung daripada Baginda S.A.W kerana Baginda S.A.W masih hidup. Apa-apa kemusykilan yang berlaku segera dirujuk seperti isu bacaan-bacaan al-Quran (القرآءات).<sup>13</sup> Malah hadis-hadis juga telah ditulis pada zaman Nabi S.A.W secara individu dalam lembaran-lembaran (*ṣahīfah*).<sup>14</sup> Selepas zaman Nabi S.A.W, hadis-hadis juga ditulis tetapi dalam bentuk kitab pula. Kitab hadis pertama yang mengandungi hadis Sahih sahaja ialah kitab Imam al-Bukharī.<sup>15</sup>

Jumlah hadis pada keseluruhan adalah banyak sekali. Imam al-Bukharī sendiri memberitahu bahawa ia menghafal hadis sebanyak 200.000 ribu hadis bertaraf lemah (*Da'if*) dan 100,000 ribu buah hadis bertaraf sahih.<sup>16</sup> Dikatakan bahawa Imam Ahmad b. Hanbal dan Abu Zur'ah menghafal lebih daripada 700,000 ribu buah hadis. Imam al-Suyuti

---

hadis palsu (*mawḍū'*). Selain itu, istilah di atas juga bermaksud hadis berkaitan ada sanad, tetapi tiada sanad riwayat lain (*mutābi'*) yang boleh menguatkannya. Lihat 'Abd al-Raḥmān b. Ibrāhīm al-Khumaysī (2000), *Mu'jam 'Ulūm al-Ḥadīth al-Nabawī*, cet. 1, Bayrūt: Dār Ibn Ḥazm, h. 175 – 177.

<sup>12</sup> Lihat Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, Bayrūt: Dār al-Qur'ān al-Karīm, h. 23-24 dan Nār al-Dīn 'Itr, *op. cit.*, h. 410 – 412.

<sup>13</sup> Hal ini berlaku ketika Umar b. al-Khattab r.anh mendengar bacaan al-Quran surah al-Furqan oleh Hisyam b. Hakim r.anh dalam sembahyang, tiba-tiba ada bacaan yang tidak pernah didengarinya. Selepas selesai sembahyang, Umar r.anh pun lekas-lekas membawa Hisyam r.anh berjumpa Nabi S.A.W di mana Nabi S.A.W sendiri meminta kedua-duanya membaca ayat berkenaan. Akhirnya Nabi S.A.W bersabda: هَكَذَا أَنْزَلْتُ إِنْ هَذَا عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ فَاقْرَأُوا مَا تَيْسَرَ مِنْهُ. Begitulah surah itu diturunkan, sesungguhnya al-Quran itu diturunkan dengan tujuh huruf, maka bacalah dengan huruf yang mudah. Hadis riwayat al-Bukharī (1998) dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, kitab al-Khuṣūmāt, bab Man Ba'a 'alā al-Ḍa'if wa Naḥwih, no.h. 2419, al-Riyād: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, h. 453. Lihat Mannā' al-Qaṭṭān (2000), *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, c. 7, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, h. 149.

<sup>14</sup> Lihat Muḥammad Mubārak al-Sayyid (1984), *Manāhij al-Muḥaddithīn*, c.1, al-Qāhirah: Dār al-Ṭibā'ah al-Muhammadiyah, h. 22, Rif'at Fawzī 'Abd al-Muṭṭalib (2011), al-Madkhal ilā *Manāhij al-Muḥaddithīn: al-Usus wa al-Taṭbīq*, c. 2, al-Qāhirah: Dār al-Salām, h. 45 – 50 dan Sājīd al-Raḥmān al-Siddiqī (t.t), *Kitābah al-Ḥadīth bi Aqlām al-Ṣaḥābah*, al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, h. 15.

<sup>15</sup> Nūr al-Dīn 'Itr, *op. cit.*, h. 251.

<sup>16</sup> Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, *op. cit.*, h. 37.

berpendapat jumlah hadis di muka bumi ialah lebih dari 200,000 ribu. Hanya 100,000 hadis sempat dimuatkan di dalam kitabnya *Jam' al-Jawāmi'* kemudian beliau meninggal dunia. Jumlah hadis yang besar angkanya seperti yang dinyatakan di atas berlaku kerana wujudnya banyak jalur sanad lain yang dipanggil *Mutāba'āt* dan *Shawāhid*.<sup>17</sup> Sebagai contoh hadis: (إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ) “Sesungguhnya amalan-amalan (seseorang) bergantung kepada niat (masing-masing)” mempunyai 700 jalur sanad.<sup>18</sup> Jalur-jalur sanad untuk satu-satu hadis ada yang kuat dan ada juga yang lemah. Jadi bilangan hadis itu semakin berkurangan apabila ia ditapis dan diambil yang kuat sahaja atau yang tidak berulang sahaja. Umpama bilangan hadis sahih (tanpa berulang) dalam *Sahih al-Bukhari* lebih kurang 4,000 sama dengan yang ada dalam *Sahih Muslim* lebih kurang 4,000 juga. Jumlah daripada dua kitab sahih ini ialah lebih kurang 8,000.<sup>19</sup>

Di samping pembukuan hadis, sebahagian ulama hadis juga terlibat dengan mengeluarkan kitab *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. *Al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* merupakan satu ilmu bagaimana seseorang perawi hadis itu dinilai. Oleh kerana ada hadis yang banyak jalur sanad dan berbeza dari segi sanad dan matannya, maka ilmu ini berperanan mengasingkan mana hadis yang kuat dan mana yang hadis yang lemah menurut penilaian masing-masing.<sup>20</sup>

Hadis-hadis yang bertebaran dan kadang-kadang hanya disebut “hadis” sahaja tanpa melihat kepada sumber dan hukumnya telah tidak membezakan mana hadis yang kuat dan mana hadis yang tidak kuat.<sup>21</sup> Penyebaran hadis tanpa mengenal pasti hukumnya atau samar-samar telah menimbulkan kebimbangan para ulama. Demi menyelamatkan keadaan, pencerahan dan pemurnian perlu disegerakan agar masyarakat dapat membezakan mana hadis yang kuat dan mana hadis yang lemah. Usaha-usaha ini dilihat dalam bentuk mengumpul hadis-hadis yang masyhur dalam masyarakat berupa kitab. Pada abad ke-8 Hijrah, seorang ulama yang bernama al-Zarkashī (-794H) telah menghasilkan sebuah kitab yang mengandungi 222 buah hadis masyhur ketika itu berjudul: *al-Lāli' al-*

---

<sup>17</sup> *Mutāba'āt* dan *shawāhid* ialah riwayat lain yang kemungkinannya boleh menguatkan riwayat yang pertama. Bezanya, *Mutāba'āt* sumber periwayatannya bersatu pada seorang sahabat sahaja, sedangkan *Shawāhid* sumber periwayatannya dari berlainan sahabat. Lihat Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *al-Manhaj al-Ḥadīth fī Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, *op. cit.*, h. 97.

<sup>18</sup> Aḥmad 'Umar Hāshim (1997), *Qawā'id Uṣūl al-Ḥadīth*, Bayrūt: 'Ālam al-Kutub, h. 189.

<sup>19</sup> Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, *op. cit.*, h. 38.

<sup>20</sup> Lihat *Ibid.* h. 149 – 150.

<sup>21</sup> Seperti yang terdapat di dalam kamus-kamus arab yang menguatkan makna perkataan dengan hadis-hadis Nabi S.A.W.

*Manthūrah fī al-Aḥādīth al-Mashhūrah al-Ma'rūf bi al-Tadhkirah fī al-Aḥādīth al-Mushtaharah* ( اللّٰلِئُ الْمُنْتَوْرَةُ فِي الْأَحَادِيثِ الْمَشْهُورَةِ الْمَعْرُوفِ بِالتَّذْكَرَةِ فِي ) (الأحاديث المشتهرة). Jika tidak ada ulama lain mendahului beliau di atas nama hadis-hadis Masyhur dalam masyarakat, maka beliau dikira ulama pertama atau pengasas kepada ilmu ini.<sup>22</sup> Di dalam *muqaddimah* kitabnya, semacam beliau merasa terpenggil untuk memberi nasihat tentang bahayanya penyebaran hadis-hadis yang tidak kuat dalam masyarakat. Katanya:

أَمَّا بَعْدُ : فَإِنَّ مِنَ النَّصِيحَةِ الْوَاجِبَةِ فِي الدِّينِ التَّنْبِيْهِ عَلَى مَا يَشْتَهَرُ بَيْنَ النَّاسِ مِمَّا أَلْفَهُ الطَّبْعُ وَلَيْسَ لَهُ أَصْلٌ فِي الشَّرْعِ.... وَقَدْ رَأَيْتُ مَا هُوَ أَهْمٌ مِنْ ذَلِكَ ، هُوَ تَبْيِيْنُ الْأَحَادِيثِ الْمَشْتَهَرَةِ عَلَى أَلْسِنَةِ الْعَوَامِ<sup>23</sup>

*Amma ba'd:* Antara nasihat yang wajib dalam agama ialah memperingatkan apa-apa yang masyhur di antara manusia yang mana mereka selesa dengan (hadis)nya sedangkan tidak ada pun sandaran dalam syara'...Sesungguhnya saya telah melihat apa yang lebih penting lagi ialah memperjelaskan kedudukan hadis-hadis Masyhur yang sering disebut-sebut oleh orang-orang awam.

Seterusnya selepas al-Zarkashī, datang pula al-Sakhāwī (-902 H) dengan kitabnya *al-Maqāsid al-Ḥasanah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtaharah* (المقاصد الحسنة من الأحاديث المشتهرة على الألسنة). Kitab ini agak lebih besar kerana mengandungi 1,356 hadis Masyhur dalam masyarakat. Beliau juga merasa terpenggil untuk membantu usaha-usaha pemurnian dan pencerahan ini. Katanya:

---

<sup>22</sup> Hadis masyhur dalam masyarakat ini berpotensi untuk menjadi satu ilmu yang berasingan dalam ilmu-ilmu Hadis dan boleh dikembangkan pada masa hadapan mungkin untuk satu semester pengajian. Tajuk yang berkaitan seperti definisi, sejarah dan metode penulisan pengarang-pengarang kitab hadis-hadis Masyhur dalam masyarakat dalam *mentakhrīj* (mengesan sumber dan hukum hadis) serta *Dirāsah al-Asānīd* iaitu mengkaji *sanad* hadis (jalan yang dapat menghubungkan hadis kepada Nabi Muhammad S.A.W atau perawinya) boleh dimasukkan di dalam sukatananya. Boleh juga dikaji tentang bagaimana hadis-hadis ini dikumpulkan pada zaman ketiadaan alat-alat canggih seperti sekarang dan banyak lagi. Malah boleh diberi tugas kepada pelajar untuk mengesani mana-mana hadis Masyhur dalam masyarakat untuk pembentangan.

<sup>23</sup> Muḥammad b. ‘Abdullah al-Zarkashī (1986), *al-Tadhkirah fī al-Aḥādīth al-Mushtaharah*, dir. dan t.q. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā, c. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 25.

أَبِينُ فِيهِ بِالْعَزْوِ وَالْحُكْمِ الْمُعْتَبَرِ مَا عَلَى الْأَلْسِنَةِ إِشْتَهَرَ، مِمَّا يُظَنُّ إِجْمَالًا أَنَّهُ  
مِنَ الْخَبَرِ .... وَقَدْ لَا يَكُونُ فِيهِ شَيْءٌ مَرْفُوعٌ، وَإِنَّمَا هُوَ فِي الْمَوْقُوفِ أَوْ  
الْمَقْطُوعِ وَرَبَّمَا لَمْ أَقِفْ لَهُ عَلَى أَصْلِ أَصْلًا

Saya jelaskan di dalamnya (kitab saya) tentang rujukan dan hukum yang muktabar daripada hadis-hadis yang masyhur pada lidah masyarakat, yang disangka umumnya daripada hadis Nabi S.A.W .... Sedangkan tidak kena mengena dengan Nabi S.A.W (tidak Marfū'), malah ia sebenarnya hanya kata-kata sahabat (Mawqūf) atau kata-kata tabi'in (Maqtū'). Terkadang saya tidak dapat mengesan sanadnya.<sup>24</sup>

Seterusnya datang Imam al-Suyūṭī (-911 H) dengan kitabnya *al-Durr al-Muntathirah fī al-Aḥādīth al-Mushtaharah* (الدُّرُّ الْمُنْتَثِرَةُ فِي الْأَحَادِيثِ الْمُشْتَهَرَةِ). Kemudian muncul pula kitab *al-Takhrijāt al-Mukhtaṣarah li al-Aḥādīth al-Mushtaharah* (التَّخْرِيجَاتُ الْمُخْتَصَرَةُ لِأَحَادِيثِ الْمُشْتَهَرَةِ) oleh al-Hijāzī (- 915 H), *al-Durrah al-Lāmi'ah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Shāi'ah* (الدُّرَّةُ اللَّامِعَةُ فِي بَيَانِ كَثِيرٍ مِنَ الْأَحَادِيثِ الشَّائِعَةِ) oleh 'Abd al-Salam al-Manūfī (- 931 H), *Tamyīz al-Ṭayyib min al-Khabīth fī Mā Yadūr 'Alā Alsinah al-Nās min al-Ḥadīth* (تَمْيِيزُ الطَّيِّبِ مِنَ الْخَبِيثِ فِيمَا يَدُورُ عَلَى أَلْسِنَةِ النَّاسِ مِنَ الْحَدِيثِ) oleh al-Shaybānī (-944 H), *al-Shazrah fī al-Aḥādīth al-Mushtaharah* (الشُّذْرَةُ فِي الْأَحَادِيثِ الْمُشْتَهَرَةِ) oleh Ibn Ṭālūn al-Dimashqī (- 953 H), *Itqān mā Yahsunu min al-Akhbār al-Dā'irah 'alā al-Asun* (إِتْقَانُ مَا يُحْسَنُ مِنَ الْأَخْبَارِ الدَّائِرَةِ عَلَى الْأَلْسِنِ) oleh Muhammad al-Gazzi dan lain-lain.

Pada tahun-tahun berikutnya datang pula al-'Ajlunī (- 1162 H) dengan kitabnya *Kashf al-Khafā' wa Muzīl al-Ilbās 'ammā Ishtahara min al-Ḥadīth 'alā Alsinah al-Nās* (كَشْفُ الْخَفَاءِ وَمُزِيلُ الْإِلْبَاسِ عَمَّا إِشْتَهَرَ مِنَ الْحَدِيثِ عَلَى أَلْسِنَةِ النَّاسِ), Muhammad Darwish al-Hut (- 1276 H) dengan kitabnya *Asnā al-Matalib fī Ahādith Mukhtalifah al-Marātib* (أَسْنَى الْمَطَالِبِ فِي أَحَادِيثِ مُخْتَلِفَةِ الْمَرَاتِبِ) dan ramai lagi.

<sup>24</sup> Muḥammad b. 'Abd al-Raḥmān al-Sakhāwī (1979), *al-Maqāṣid al-Ḥasanah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtaharah 'alā al-Asinah*, Tas dan t.l.: 'Abd Allah Muḥammad al-Siddīq, c.1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 3

## CONTOH-CONTOH HADIS MASYHUR SEMASA DALAM MASYARAKAT ISLAM

Maksud hadis-hadis Masyhur semasa di sini ialah hadis-hadis Masyhur yang sering disebut-sebut oleh masyarakat di dalam ceramah-ceramah, kuliah-kuliah ilmu atau ditulis di dalam media elektronik seperti laman web, whatsapp dan sebagainya. Melalui media elektronik, hadis-hadis ini lebih cepat tersebar kepada individu-individu dalam masyarakat. Hadis-hadis semasa dikutip secara rambang di mana ia akan dinyatakan hukumnya oleh sebahagian ulama tanpa membawa kajian sanad secara terperinci. Hal ini dikira asas dalam ilmu hadis-hadis Masyhur dalam masyarakat untuk orang ramai. Sekurang-kurangnya kita mengetahui kedudukan hadis yang disebut-sebut. Kalau seorang ulama menyebutnya sahih, sekurang-kurangnya sahih di sisinya. Begitu juga jika dikata lemah, sekurang-kurangnya lemah di sisi ulama berkenaan. Walaubagaimana pun ruangan masih terbuka kepada sesiapa saja yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini untuk menilai dan memilih pendapat yang kuat (*tarjih*). Bagi yang tidak mempunyai kepakaran maka pilih saja mana-mana pendapat untuk *bertaqlid* (ikut tanpa mengetahui dalil) dengan mana-mana ulama hadis yang dikira berkemampuan.

Di bawah ini dinyatakan beberapa contoh hadis-hadis Masyhur semasa untuk pembuka kesedaran tentang pentingnya ketepatan maklumat:

- 1) Hadis masyhur dalam masyarakat: *عِمَادُ الدِّينِ الصَّلَاةُ* Ertinya: Sembahyang itu adalah tiang agama.

Menurut al-Sakhāwī di dalam kitabnya *al-Maqāsid al-Ḥasanah*: Hadis dengan lafaz di atas diriwayatkan oleh al-Bayhaqī di dalam kitabnya *al-Shu'ab* dengan sanad yang lemah daripada hadis 'Ikrimah dari 'Umar secara *Marfū'* iaitu sampai kepada Nabi S.A.W. Imam al-Nawawī r.h. di dalam kitab *al-Tanqīh* berkata: Hadis ini mungkar lagi batil (*مُنْكَرٌ بَاطِلٌ*). Manakala Ibn al-Ṣalāḥ pula berkata: Hadis ini tidak dikenali (*غَيْرٌ مَعْرُوفٌ*<sup>25</sup>). Isi kandungan hadis ini boleh diterima (*مَعْنَاهُ صَحِيحٌ*) kerana sembahyang sangat penting dalam kehidupan beragama seseorang Islam

---

<sup>25</sup>Al-Sakhāwī, *op. cit.* no. h.632, h. 266. Lihat juga 'Abd al-Raḥmān b. 'Alī ibn Muḥammad b. 'Umar al-Shaybānī (t.t), *Tamyīz al-Ṭayyib min al-Khabīth fīmā Yadūr 'alā Alsinah al-Nās min al-Ḥadīth*, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, h. 98 dan Muḥammad Darwish al-Hūt (1983), *Asnā al-Maṭālib fī Aḥādīth Mukhtalif al-Marātib*, no. h. 843, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, h. 188 dan 'Abd al-Raḥīm b. Husayn al-Irāqī (1995), *al-Mughnī 'an Ḥaml al-Asfār fī Takhrīj Mā fī al-Iḥyā' Min Akhbār*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Fikr, h.136.



tetapi ia bukan hadis yang kuat.<sup>26</sup> Di dalam kitab *al-Ihyā'*, hadis ini disambung dengan lafaz: *فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ هَدَمَ الدِّينَ* Ertinya : Maka sesiapa yang meninggalkan sembahyang, maka dia telah meruntuhkan agama.<sup>27</sup> Al-Irāqī ketika mengulas sumber dan hukum hadis tidak pula memberi maklumat tentang lafaz tambahan ini.<sup>28</sup>

- 2) Hadis masyhur dalam masyarakat: *لَوْ خَشَعَ قَلْبُ هَذَا خَشَعَتْ جَوَارِحُهُ* Ertinya: Sekiranya hati ini khusyu' (ketika sembahyang), nescaya khusyu' (tidak bergerak-gerak) anggota-anggotanya (ketika sembahyang).

Al-'Iraqi tidak memberi sebarang komentar terhadap hadis ini. Lafaz dalam kitab *al-Ihyā'*, berbunyi : *قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَدْ رَأَى رَجُلًا مُصَلِّيًّا يَعْثُبُ : أَمَّا هَذَا لَوْ خَشَعَ قَلْبُهُ لَخَشَعَتْ جَوَارِحُهُ* Ertinya:<sup>29</sup> Nabi S.A.W ketika Baginda telah melihat seorang lelaki mengusap-ngusap janggutnya dalam sembahyang bersabda: Adapun (lelaki) ini sekira hatinya khusyu' pastilah anggota-anggotanya akan turut khusyu' (tidak bergerak-gerak). Walau bagaimanapun kajian terkini oleh al-Qaraḍawī mendapati hadis ini diriwayatkan oleh al-Hakīm al-Tirmizī di dalam kitab *al-Nawādir* dengan sanadnya daripada Abu Hurairah r.anh secara terus daripada Nabi S.A.W (*Marfū'*) di mana di dalam sanadnya ini terdapat seorang perawi yang disepakati lemah. Sebenarnya apa yang dikatakan hadis Nabi S.A.W di atas adalah kata-kata seorang Tābi'in bernama Sa'īd b. Musayyib.<sup>30</sup>

- 3) Hadis Masyhur dalam masyarakat: *صَوْمُكُمْ تَصِحُّوا* Ertinya: Berpuasalah kamu nescaya kamu sihat.

Seperti yang disebut oleh al-Shaybānī dalam kitabnya *Tamyīz al-Tayyib*, hadis ini dikeluarkan oleh Abū Nu'aym dalam *al-Ṭibb*, Ahmad dari Abū Hurairah r.anh secara terus daripada Nabi S.A.W. (*Marfū'*) dengan lafaz: *سَافِرُونَ تَرَبَّحُوا وَصَوْمُكُمْ تَصِحُّوا وَأَعْزُومُ تَعْتَمُونَ* Ertinya : Bermusafirlah dan carilah keuntungan, dan puasalah kamu supaya kamu sihat dan berperanglah (berjihad) nescaya kamu memperolehi harta rampasan perang. Al Hakim pula meriwayatkan daripada Ibnu Abbas dengan

---

<sup>26</sup> Sikap kita terhadap hadis yang lemah, apabila kita menyebutnya kita wajib menyebut bahawa hadis ini statusnya lemah supaya ia tidak dianggap kuat oleh sesiapa yang mendengarnya. Lihat Māhir Maṣṣūr 'Abd al-Razzāq (2002), *al-Ḥadīth al-Ḍa'īf: Asbābuh wa Aḥkāmuh*, c. 1, al-Manṣūrah: Dār al-Yaqīn, h. 256.

<sup>27</sup> Muhammad b. Muhammad al-Ghazālī (1995), *Ihyā' Ulūm al-Dīn*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 136.

<sup>28</sup> Al-'Iraqī, *op. cit.*, h. 136.

<sup>29</sup> Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī, *op. cit.*, h. 155.

<sup>30</sup> Fatāwā Aḥkām li al-Shaykh Yūsuf al-Qaraḍawī. [www.djelfa.info/vb/archive/index.php/t-807342.html](http://www.djelfa.info/vb/archive/index.php/t-807342.html)

lafaz: *وَتَغْنَمُوا وَتَصِحُّوا سَافِرُوا* Ertinya: Musafirilah, kamu akan sihat dan mendapat harta rampasan perang.<sup>31</sup> Menurut Muhammad Darwish al-Hūt dalam kitabnya *Asnā al-Maṭālib*: Sanad hadis: *صَوْمُومُ تَصِحُّومُ* adalah lemah.<sup>32</sup> Walaupun sanadnya lemah, makna atau kandungan hadis ini betul kerana ia diakui sendiri oleh pakar perubatan.<sup>33</sup>

- 4) Hadis masyhur dalam masyarakat: *لَا نَأْكُلُ حَتَّى نَجُوعَ وَإِذَا أَكَلْنَا لَا نَشْبَعُ* Ertinya: Kami satu kaum yang mana kami tidak makan sehingga kami lapar dan apabila kami makan kami tidak kenyang.

Ungkapan ini dikaitkan dengan Nabi S.A.W ketika mana al- Muqawqis seorang pembesar al-Qibṭ setelah diperdengarkan isi surat dakwah Nabi S.A.W telah memuliakan Baginda S.A.W dengan menghantar seorang doktor (*tabīb*) ke Madinah. Akan tetapi Nabi S.A.W menolaknya seraya bersabda: *إِذْهَبْ لَا حَاجَةَ لَنَا بِكَ، نَحْنُ قَوْمٌ لَا نَأْكُلُ حَتَّى نَجُوعَ ، وَإِذَا أَكَلْنَا لَا نَشْبَعُ* Ertinya: Pulanglah! Kami tidak memerlukan (khidmat) engkau, Kami satu kaum yang mana kami tidak makan sehingga kami lapar dan apabila kami makan kami tidak kenyang. Setakat ini tidak terdapat tanda-tanda kewujudan ungkapan di atas di dalam kitab-kitab hadis. Muḥammad Ḥamīd Allah dalam mengumpul semua surat-surat di zaman Nabi S.A.W tidak pula menunjukkan ada surat yang menyebut penghantaran doktor (*tabīb*) terbabit.<sup>34</sup> Di dalam kitab *al-Sīrah al-Ḥalabiyyah* karangan ‘Alī b. Burhān al-Dīn al-Ḥalabī hanya menyebut ibarat: Sebahagian mereka menyatakan bahawa al-Muqawqis menghadihkan seorang doktor (*tabīb*) kemudian terus disebut apa yang disifatkan hadis itu tanpa sanad.<sup>35</sup> Ada kemungkinan ia hadis *Mawḍū’* kerana tiada asal ( *لَا أَصْلَ لَهُ* ).

- 5) Hadis Masyhur dalam masyarakat: *مَا رَبُّكَ ؟* Ertinya: Apa tuhan kamu ?

<sup>31</sup> Al-Shaybānī, *op. cit.*, h. 88.

<sup>32</sup> Muḥammad Darwish al-Hūt, *op. cit.*, h. 186.

<sup>33</sup> Menurut pakar perubatan, seseorang yang berpuasa akan sihat tubuh badannya di mana sel-sel darah yang rosak akan dikeluarkan dan diganti dengan sel-sel darah yang baru. Lihat al-Ṣiyām Ukhalliṣ al-Jism min al-Khalāyā al-Tālifāh Al Jazeera > news > healthmedicine. Walau bagaimana pun tujuan puasa ialah melahirkan orang yang bertaqwa. Apabila sudah ada sifat taqwa, maka bermacam-macam rezki akan datang termasuk rezki sihat tubuh badan. Hal ini sama dengan sembahyang, tidak kita dengar hadis berbunyi: *صَلُّوا تَصِحُّوا* Ertinya: Sembahyanglah kamu nescaya kamu sihat. Sedangkan kajian telah dibuat bahawa sembahyang yang betul boleh menyihatkan badan.

<sup>34</sup> Muḥammad Ḥamīd Allāh (1983), *Majmū’ah al-Wathā’iq al-Siyāsiyyah li al-‘Ahd al-Nabawī wa al-Khilafāh al-Rāshidah*, c. 4, Bayrūt: Dār al-Nafā’is, h. 135 – 139.

<sup>35</sup> ‘Alī b. Burhān al-Dīn al-Ḥalabī (1932), *al-Sīrah al-Ḥalabiyyah*, j. 1, c.3, Miṣr: Matba’ah al-Azhar, h. 345 – 349.

Ungkapan ini tersebar luas di laman sosial yang merujuk kepada hadis yang panjang tentang soalan dua malaikat kepada si mati di alam Barzakh. Setakat ini belum diketemui lafaz : مَا. Riwayat yang ada ialah dengan lafaz: فَإِنَّهُ يَسْمَعُ حَقَقَ ..... Ertinya: Siapa tuhan engkau. Potongan hadis : حِينَ يُقَالُ لَهُ : يَا هَذَا ، مَنْ رَبُّكَ ؟ مَا دِينُكَ ؟ وَمَنْ نَبِيُّكَ ؟ ..... Ertinya: ..... Sesungguhnya ia (si mati) mendengar bunyi sepatu mereka bergegas-gegas pulang meninggalkannya, lalu ditanya kepadanya: Wahai orang ni: Siapa tuhan engkau? apa agama engkau? dan siapa nabi engkau ? .....<sup>36</sup> Dalam riwayat Muslim juga menyebut: مَنْ رَبُّكَ di dalam hadis yang berbunyi ... فَيُقَالُ لَهُ مَنْ رَبُّكَ فَيَقُولُ رَبِّيَ اللَّهُ وَنَبِيِّيَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَلِكَ ... Ertinya: .... (قَوْلُهُ عَزَّ وَجَلَّ: (يُنَبِّئُ اللَّهُ الَّذِي آمَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الآخِرَةِ) Dikatakan kepada kepada si mayat: Siapa Tuhan engkau? maka ia akan menjawab Tuhanku adalah Allah dan Nabiku adalah Muhammad, dan itulah maksud dari firmanNya: Allah meneguhkan (iman) orang-orang yang beriman dengan Ucapan Yang Teguh itu dalam kehidupan di dunia dan akhirat.<sup>37</sup>

- 6) Hadis Masyhur dalam masyarakat : وَمَا ذَاكَ يَا : وَإِبَاكُمْ وَخَضِرَاءَ الدَّمَنِ قِيْلَ : Ertinya : Berhati-hati *Khadrā' al-Diman* (Pohon yang segar tumbuh di tempat najis dan air kencing unta atau kambing) Ditanya: Apakah itu Ya Rasulullah? Sabdanya: Wanita cantik (hidup) pada tempat membesar yang tidak elok.

Ungkapan ini bermaksud: Berhati-hatilah (daripada mengahwini) perempuan yang cantik rupanya tetapi dibesarkan di persekitaran yang buruk sehingga rusak akhlak dan lemah agamanya. Menurut al-Sakhāwī di dalam kitabnya *al-Maqāṣid al-Ḥasanah*, hadis ini diriwayatkan oleh al-Quḍa'ī di dalam *Musnad al-Shihāb* dan juga al-Daylamī daripada al-Wāqidī. al-Dār Qutnī mengatakan hadis ini satu sanadnya tidak sah ( لَا )<sup>38</sup>. Al-Zurqāni di dalam kitabnya *Mukhtaṣar al-Maqāṣid* pula mengatakan hadis ini bertaraf lemah (*Da'if*).<sup>39</sup>

- 7) Hadis Masyhur dalam masyarakat: مِنَ الْإِيمَانِ Ertinya: Kebersihan itu sebahagian daripada iman.

<sup>36</sup> Sulaymān b. al-Ash'ash al-Sijistānī (2004), *Sunan Abī Dawūd*, bab fī al-Mas'alah fī al-Qabr wa 'Adhāb al-Qabr, no.h. 4753, j. 5, c. 2, Bayrūt: Mu'assasah al-Rayyān, h. 250.

<sup>37</sup> Muslim b. al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī (1998), *Ṣaḥīḥ Muslim*, kitāb al-Jannah wa Ṣifah Na'imihā wa Ahlihā, bāb 'ard Maq'ad al-Mayyit min al-Jannah, no.h. 2871, al-Riyād: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah h. 1151.

<sup>38</sup> Al-Sakhāwī, *op. cit.*, h. 135.

<sup>39</sup> Al-Imām al-Zurqānī (1983), *Mukhtaṣar al-Maqāṣid al-Ḥasanah*, t.q.: Dr. Muḥammad al-Ṣabbāgh, c. 3, al-Riyād: al-Maktab al-Islāmī, h. 79.

Menurut al-Qaraḍawī: Lafaz: النَّظَافَةُ مِنَ الْإِيمَانِ setakat yang ia tahu tidak datang dari Nabi S.A.W samada dengan sanad Ṣaḥīḥ, Ḥasan atau Ḍa'īf.<sup>40</sup> Imam al-Ghazālī dalam kitabnya *al-Iḥyā'* menyebut lafaz lain tanpa menyebut pula sanadnya. Lafaz yang dimaksudkan ialah : بُنِيَ الدِّينُ عَلَى النَّظَافَةِ Ertinya: Agama dibina di atas kebersihan.<sup>41</sup> Menurut al-Suyuti di dalam kitabnya *al-Durar al-Muntathirah*: Al-'Iraqī tidak dapati hadis ini di dalam *al-Iḥyā'* secara bersanad.<sup>42</sup> Hal yang sama juga dinyatakan oleh al-Shaybānī di dalam kitabnya *Tamyīz al-Ṭayyib*.<sup>43</sup> Walau bagaimanapun makna lafaz : النَّظَافَةُ مِنَ الْإِيمَانِ boleh diterima berdasarkan hadis riwayat Muslim: الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ<sup>44</sup> Ertinya: Kesucian itu separuh (sebahagian) daripada iman.

- 8) Hadis masyhur dalam masyarakat: حُبُّ الْوَطَنِ مِنَ الْإِيمَانِ Ertinya: Cinta kepada negara adalah sebahagian daripada iman.

Al-Sakhāwī di dalam *al-Maqāṣid al-Ḥasanah*, al-Shaybānī di dalam *Tamyīz al-Ṭayyib* dan al-Suyūṭī di dalam *al-Durar al-Muntathirah* masih belum menemui hadis ini (لَمْ أَعْرِفْهُ).<sup>45</sup> Al-Zurqānī di dalam *Mukhtaṣar al-Maqāṣid* pula mengatakan ia tidak mengetahuinya (لَمْ أَعْرِفْهُ).<sup>46</sup> Muḥammad Darwish al-Hūt di dalam *Asnā al-Maṭālib* menghukum hadis ini sebagai hadis rekaan (*Mawḍū'*).<sup>47</sup>

- 9) Hadis Masyhur dalam masyarakat: الْجَنَّةُ تَحْتَ أَقْدَامِ الْأُمَّهَاتِ Ertinya: Syurga itu di bawah tapak kaki para ibu.

Al-Zarkashī dalam kitabnya *al-Tadhkirah (al-Lāli' al-Manthūrah)* menukulkan kata-kata Abū al-Faḍl Muḥammad b. Ṭāhir al-Ḥafīz menyatakan bahawa dua perawi bernama Abū al-Naḍr dan Maṣṣūr tidak dikenali, oleh itu hadis riwayat mereka berdua bertaraf hadis Mungkar (مُرْكَبٌ). Ia juga menyebutnya daripada hadis Ibn 'Abbās dan ia melelehkannya.<sup>48</sup> Walaubagaimanapun makna hadis ini sahih kerana

<sup>40</sup> Al-Nazāfah min al-Īmān, www.qaradawi. Net > new > Articles-8484

<sup>41</sup> Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī, *op. cit.*, h. 119.

<sup>42</sup> 'Abd al-Rahmān b. Abī Bakr al-Suyūṭī(t.t), *al-Durar al-Muntathirah fī al-Aḥādīth al-Mushtarah*, t.q. Dr. Muḥammad b. Lutfī al-Sabbāgh, al-Riyād: 'Imādah Shu'ūn al-Maktabāt, Jāmi'ah al-Malik Su'ūd, h. 92.

<sup>43</sup> Al-Sakhāwī, *op. cit.*, h. 183, al-Shaybānī, *op. cit.*, h. 68 dan al-Suyūṭī, *op. cit.*, h. 108.

<sup>44</sup> Muslim b. al-Hajjāj al-Qushayrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *op. cit.*, kitāb al-Ṭahārah, bāb fadl al-Wuḍū', no.h. 223, h. 119.

<sup>45</sup> Al-Sakhāwī, *op.cit.*, h. 183, al-Zurqānī, *op. cit.*, h. dan al-Suyūṭī, *op. cit.*, h. 108.

<sup>46</sup> Al-Zurqānī, *op. cit.*, h. 111.

<sup>47</sup> Muḥammad Darwish al-Hūt, *op. cit.*, h. 126.

<sup>48</sup> Muḥammad b. 'Abdullah al-Zarkashī, *op. cit.* h. 192- 193.

sifat tawadhu' kepada ibubapa merupakan sebab seseorang anak itu dapat masuk Syurga Allah. Bahkan ada hadis yang seakan-akan sama lafaznya. Ia diriwayatkan oleh al-Hākim di dalam kitab *al-Mustadrak*nya berbunyi : *إِذْهَبْ، فَالزَّمَهَا فَإِنَّ الْجَنَّةَ تَحْتَ رَجُلَيْهَا* : Ertinya: Pergilah! Sentiasalah kamu bersamanya (ibu), maka sesungguhnya Syurga di bawah dua kakinya. Menurut al-Hākim, hadis ini sanadnya *Ṣaḥīḥ*.<sup>49</sup>

- 10) Hadis masyhur dalam masyarakat : *الْحِكْمَةُ ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِ فَحَيْثُ وَجَدَهَا فَهُوَ بِهَا* Ertinya: Hikmah (ilmu atau hak) adalah (ibarat) barang hilang orang mukmin, di mana saja ia dapati maka ia lebih berhak mengambilnya.

Al-Zurqānī di dalam *Mukhtaṣar al-Maqāṣid* mengatakan hadis seperti ini ada periwayatannya (وَأَرَدُ).<sup>50</sup> Al-Tirmizi meriwayatkannya dengan lafaz: *الكَلِمَةُ الْحِكْمَةُ ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِ، فَحَيْثُ وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا* Ada tambahan lafaz: *الكَلِمَةُ* di hadapannya. Al-Tirmizī mengatakan hadis ini *Gharīb*. Perawinya yang bernama Ibrāhīm b. al-Faḍl al-Makhzūmī seorang yang lemah (*Da'if*).<sup>52</sup> Menurut Dr. Muḥammad b. Lutfī al-Sabbagh, pentahqiq kitab *Mukhtaṣar al-Maqāṣid*, hadis ini lemah (*Da'if*).<sup>53</sup> Ibn Hajar dalam dalam *Taqrīb al-Tahdhīb* menyifatkan Ibrāhīm b. al-Faḍl al-Makhzumī sebagai *Matrūk*.<sup>54</sup> Ini bermakna hadis ini sangat lemah (*Da'if Jiddan*).

- 11) Hadis Masyhur dalam masyarakat : *مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ فَقَدْ عَرَفَ رَبَّهُ*: Ertinya: Sesiapa yang kenal dirinya maka sesungguhnya ia kenal tuhannya.

Menurut Imam al-Nawawī r.mh bahawa ia bukan hadis yang kuat (ليس بثابت).<sup>55</sup> Menurut catatan syaikh 'Ala' al-Din, ketika ditanya kepada Ibn Hajar r.anh siapa perawi hadis di atas, katanya: tiada asal atau sanad (لا أصل له), Cuma disebut bahawa ia daripada kata-kata Yaḥyā b. Mu'ādh al-Rāzī al-Ṣūfī.<sup>56</sup>

<sup>49</sup> Muḥammad b. 'Abdullah al-Hākim al-Naysabūrī, *al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn, dir. dan t.q.* Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata, kitab al-Birr wa al-Silah, no.h. 7248, j. 4, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, h. 167 – 168.

<sup>50</sup> Al-Zurqānī, *op. cit.*, h. 115.

<sup>51</sup> Muḥammad b. 'Īsā ibn Sūrah al-Tirmidhī, *op. cit.*, abwāb al-'Ilm 'an Rasulillāh Ṣallallāh 'Alayh Wasallam, bab: Ma ja' fī Faḍl al-Fiqh 'alā al-'Ibādah, no.h. 2882, j. 4, h. 620.

<sup>52</sup> *Ibid.*

<sup>53</sup> Al-Zurqānī, *op. cit.*, h. 115.

<sup>54</sup> Aḥmad b. 'Alī ibn Ḥajar al-'Asqalānī (1997), *Taqrīb al-Tahdhīb, t.q.* Khalīl Ma'mūn Shīkha, j.1, c. 2, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, h. 55.

<sup>55</sup> 'Alā' al-Dīn ibn al-'Aṭār (1982), *Fatāwā al-Imām al-Nawawī*, c. 1, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, h. 178.

<sup>56</sup> *Ibid.*

- 12) Hadis Masyhur dalam masyarakat: أَحِبُّوا الْعَرَبَ لِثَلَاثٍ لِأَنِّي عَرَبِيٌّ وَالْقُرْآنُ عَرَبِيٌّ وَكَلَامُ أَهْلِ الْجَنَّةِ عَرَبِيٌّ Ertinya : Cintailah orang-orang Arab kerana saya orang Arab, al-Quran berbahasa Arab dan bahasa ahli Syurga bahasa Arab.

Menurut al-Syaybānī dalam kitabnya *Tamyīz al-Ṭayyib*, hadis ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarani di dalam *al-Kabīr* dan *al-Awsaṭ*, al-Ḥākim di dalam *al-Mustadrak* dan al-Bayhaqī di dalam al-Shu'ab dan lain-lain daripada hadis Ibn Abbās secara *Marfū'* dan ia adalah *Da'if*.<sup>57</sup> Dr. Muhammad b. Lutfi al-Ṣabbāgh menghukumnya sangat lemah (*Da'if Jiddan*).<sup>58</sup> Muḥammad Darwish al-Hūt di dalam *Asnā al-Maṭālib* pula bahawa boleh jadi hadis ini palsu (*Mawḍū'*) kerana sumber daripada Ibn Hibban ia adalah *Mawḍū'* dan sumber daripada Abī Ḥātim pada periwayatannya ada perawi yang sangat pembohong (*kadhdhāb*).<sup>59</sup>

- 13) Hadis Masyhur dalam masyarakat: أَنَا أَفْصَحُ مَنْ نَطَقَ بِالضَّادِ بَيِّدَ أَيِّ مَنْ فَرِيشُ Ertinya: Saya orang yang paling fasih menyebut huruf ḍāḍ (ض), kerana saya adalah daripada suku Quraisy.

Al-Suyūṭī di dalam kitabnya *al-Durar al-Muntathirah* menyebut bahawa hadis ini tiada asalnya (لا أصل له) sebagaimana menurut Ibn Kathīr.<sup>60</sup>

- 14) Hadis Masyhur dalam masyarakat: إِيَّاكُمْ وَالْحَسَدَ فَإِنَّ الْحَسَدَ يَأْكُلُ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَأْكُلُ النَّارُ الْحَطَبَ Ertinya: Jauhilah hasad dengki, maka sesungguhnya hasad dengki itu memakan (memusnahkan) kebajikan seperti api memakan kayu api kering.

Muḥammad Darwish al-Hūt di dalam *Asnā al-Maṭālib* mengatakan bahawa hadis ini diriwayatkan oleh Abū Dāwud di mana terdapat perawi bernama Ibrāhīm b. Usayd, al-Bukharī berkata dalam *Tārikhnya* dan ia menyebut hadis ini, ia berkata: tidak sah dengan maksud hadisnya lemah (لا يصح).<sup>61</sup> Al-'Iraqi dalam *mentakhrīj* hadis *al-Ihyā'* tidak memberi sebarang komentar terhadap hadis di atas.<sup>62</sup> Walaubagaimanapun sifat hasad dengki wajib dijauhi sepertimana dalam surah al-Falaq.

<sup>57</sup> Al-Shaybānī, *op. cit.*, h. 10.

<sup>58</sup> Al-Zurqānī, *op. cit.* h. 54.

<sup>59</sup> Muḥammad Darwish al-Hūt, *op. cit.*, h. 33.

<sup>60</sup> Al-Suyūṭī, *op. cit.*, h. 56.

<sup>61</sup> Muḥammad Darwish al-Hūt, *op. cit.* h. 98.

<sup>62</sup> Al-'Irāqī, *op. cit.*, h. 47.

- 15) Hadis Masyhur dalam masyarakat: *أَطْلُبُوا الْعِلْمَ وَلَوْ بِالصَّيْنِ*: Ertinya : Tuntutlah ilmu walaupun ke negeri Cina.

Al-‘Irāqī di dalam *al-Mughnī* menyebut bahawa hadis di atas dikeluarkan oleh Ibn ‘Adī dan al-Bayhaqī di dalam *al-Madkhal* dan *al-Shu‘ab* daripada hadis Anas dan al-Bayhaqī berkata: Matannya masyhur dan sanad-sanadnya lemah (*Da‘īf*).<sup>63</sup> Al-Zurqānī dan al-Shaybānī setuju bahawa hadis di atas sebagai lemah (*Da‘īf*).<sup>64</sup> Hukum ini juga dipersetujui oleh al-‘Ajlūnī di dalam kitabnya *Kashf al-Khafā’*.<sup>65</sup> Muhammad Darwish al-Hūt di dalam *Asnā al-Maṭālib* memetik kata-kata Ibn Ḥibbān bahawa hadis ini batil (palsu) tiada asal (*باطلٌ لا أصلٌ له*). Beliau juga memetik kata-kata al-Dzahabī: tiada sanadnya yang sah (*لم يَصِحْ فِيهِ إِسْنَادٌ*). Manakala Ibn al-Jawzī menghukumnya *Mawdū’*.<sup>66</sup>

## KESIMPULAN

Kajian tentang hadis-hadis Masyhur dalam masyarakat Islam bukan satu perkara baru. Ia lebih kepada menyedarkan masyarakat tentang bahayanya menyebarkan berita-berita tidak benar yang dikaitkan dengan Nabi S.A.W. Al-Sakhāwī memperingatkan masyarakatnya waktu itu bahawa mendustai Baginda S.A.W tidak sama dengan mendustai manusia biasa. Perbuatan ini termasuk dalam sebesar-besar dosa besar (*أكْبَرُ الْكَبَائِرِ*). Ramai ulama yang mengatakan bahawa taubat mereka tidak diterima malah Imam Abu Muḥammad al-Juwaynī mengkafirkan orang yang sengaja mendusta terhadap Nabi S.A.W.<sup>67</sup>

Di sini, disarankan supaya mana-mana pengajian secara berkitab mengambil kira kitab-kitab yang telah dikenal pasti hadis-hadis di dalamnya (*takhrīj*) untuk lebih berhati-hati. Disarankan juga kepada pihak yang berkemampuan supaya dapat menterjemahkan kitab-kitab hadis-hadis Masyhur ke dalam bahasa Malaysia agar semua orang dapat mengenali mana hadis yang kuat dan mana yang tidak kuat. Penyelidikan demi penyelidikan secara individu dan berkumpulan patut juga dilakukan dari masa ke semasa sebagai maklumat tambahan agar masyarakat Islam selamat dari ancaman Nabi S.A.W kepada sesiapa saja yang mendustainya. Antara hadis yang dimaksudkan ialah : *مَنْ حَدَّثَ عَلَيَّ بِحَدِيثٍ يَرَى*

<sup>63</sup> *Ibid*, h. 15.

<sup>64</sup> Al-Zurqānī, *op. cit.*, h. 68 dan al-Syaybānī, *op. cit.* h. 24.

<sup>65</sup> Ismā‘īl b. Muḥammad al-‘Ajlūnī (1988), *Kashf al-Khafā’ wa Muzīl al-Ilbās ‘Ammā Ishtahara min al-Aḥādīth ‘alā Aṣnāh al-Nās*, j. 1, c. 3, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 138 – 139.

<sup>66</sup> Muḥammad Darwish al-Hūt, *op. cit.*, h. 59.

<sup>67</sup> Al-Sakhāwī, *op. cit.*, h. 4.

كَاذِبِينَ مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَعَدَّةَ مَنْ : مِنَ النَّارِ<sup>68</sup> Ertinya: Sesiapa memberitahu hadis daripadaku, yang mana riwayat mungkin bohong, maka dia (perawi) adalah salah seorang daripada pembohong tersebut. Juga hadis : مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَعَدَّةَ مَنْ : مِنَ النَّارِ<sup>69</sup> Ertinya: Sesiapa berdusta terhadapku secara sengaja, maka hendaklah ia menyediakan tempat duduknya dalam neraka.

Akhir sekali apa-apa hadis diketahui benar daripada Nabi S.A.W, maka saya sedia kembali merujuk kepadanya سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأُثْوِبُ إِلَيْكَ

## **BIBLIOGRAFI**

Al-Qur'ān .

‘Alā’ al-Dīn b. al-‘Atar (1982), *Fatāwa al-Imām al-Nawawī*, c. 1, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Ilmiyyah.

Aḥmad ‘Umar Hāshim (2000), *Mabāhith fī al-Ḥadīth al-Sharīf*, c.1, al-Qāhirah: Maktabah al-Shurūq.

\_\_\_\_\_ (1997), *Qawā'id Uṣūl al-Ḥadīth*, Bayrūt: ‘Ālam al-Kutub.

Abū Dāwud, Sulaymān al-Ash’ath al-Azdī (2004), *Sunan Abī Dāwud*, c. 2, 4 j. Bayrūt: Mu’assasah al-Rayyān.

Al-‘Ajlūnī, Ismā’īl b. Muḥammad (1988), *Kashf al-Khafā’ wa Muzīl al-Illbas ‘Ammā Ishtahara min al-Aḥādīth ‘alā Alsinah al-Nās*, 2 j. c. 3, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-‘Asqalānī, Aḥmad b. ‘Alī ibn Ḥajar (1997), *Taqrīb al-Tahdhīb*, 2 j. Bayrūt: Dār al-Ma’rifah.

Al-Bukharī, Muḥammad b. Ismā’īl (t.t), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1 j. al-Riyād: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah li al-Nashr.

<sup>68</sup> Lihat Muslim b. al-Hajjāj al-Qushayrī, *op. cit.*, muqaddimah, bab Wujūb al-Riwayah ‘an al-Thiqāt wa tark al-Kādhībīn wa al-Taḥzīr min al-Kadhīb ‘alā Rasūlillāh Ṣallallāh ‘Alayh Wasallam, h. 21.

<sup>69</sup> Muḥammad b. Ismā’īl al-Bukhārī, *op. cit.* kitāb al-‘Ilm, bāb: Ithm Man kadhdhaba ‘alā al-Nabi Ṣallallāh ‘Alayh Wasallam, no.h. 110, h, 46.



- Al-Ghazalī, Muḥammad b. Muḥammad (1995), *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Al-Hūt, Muḥammad Darwish (1983), *Asnā al-Maṭālib fī Aḥādīth Mukhtalif al-Marātib*, 1 j. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- Al-Imām al-Zurqānī (1983), *Mukhtaṣar al-Maqāṣid al-Ḥasanah*, t.q. Dr. Muḥammad al-Sabbāgh, c. 3, 1 j. al-Riyād: al-Maktab al-Islāmī.
- Al-Irāqī, 'Abd al-Raḥīm b. Husayn (1995), *al-Mughnī 'an Ḥaml al-Asfār fī Takhrīj Mā fī al-Iḥyā' min Akhbār*, Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Al-Khumaysī, 'Abd al-Raḥmān b. Ibrāhīm (2000), *Mu'jam 'Ulūm al-Ḥadīth al-Nabawī*, cet. 1, Bayrūt: Dār Ibn Ḥazm.
- Al-Naysābūrī, Muslim b. al-Hajjāj al-Qushayrī (1998), *Ṣaḥīḥ Muslim*, 1 j. al-Riyād: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah.
- Al-Qaṭṭān, Mannā' (2000), *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, c. 7, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qurṭubī, Muḥammad b. Aḥmad ibn Abī Bakr (t.t), *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, c. 2, 21 j. al-Riyād: Dār 'Ālam al-Kutub.
- Al-Sakhāwī, Muḥammad b. 'Abd al-Raḥmān (1979), *al-Maqāṣid al-Ḥasanah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtahah 'alā al-Aṣṣinah*, Tas dan t.l.: 'Abdullah Muḥammad al-Siddīq, c.1, 1 j. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ṣāliḥ, Ṣubḥī (1981), *'Ulūm al-Ḥadīth wa Muṣṭalaḥuh*, c.6, Bayrūt: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn.
- Al-Sayyid, Muḥammad Mubārak (1984), *Manāhij al-Muhaddithīn*, c.1, al-Qāhirah: Dār al-Tibā'ah al-Muḥammadiyyah.
- Al-Shaybānī, 'Abd al-Raḥmān b. 'Alī ibn Muḥammad b. 'Umar (t.t), *Tamyīz al-Ṭayyib min al-Khabīth fī mā Yadūr 'alā Aṣṣinah al-Nās min al-Ḥadīth*, 1 j. Bayrūt : Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- Al-Ṣiddiqī, Sājid al-Raḥmān (t.t), *Kitābah al-Ḥadīth bi Aqlām al-Ṣaḥābah*, al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.

- Al-Suyūṭī, ‘Abd al-Raḥmān b. Abī Bakr (t.t), *al-Durar al-Muntathirah fī al-Aḥādīth al-Mushtarah*, t.q. Dr. Muḥammad b. Lutfī al-Sabbāgh, 1 j. al-Riyād: ‘Imādah Shu’ūn al-Maktabāt, Jāmi’ah al-Malik Su’ūd.
- Al-Tabārī, Muḥammad b. Jarīr (2001), *Tafsīr al-Ṭabarī Jāmi’ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āyi al-Qur’ān*, t.q. Dr. ‘Abd Allah al-Turkī, c.1, 25 j. al-Qāhirah: Dār Hajr.
- Al-Taḥḥān, Maḥmud (t.t), *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth*, 1 j. Bayrūt: Dār al-Qur’ān al-Karīm.
- Al-Zarkashī, Muḥammad b. ‘Abdullah (1986), *al-Tadhkirah fī al-Aḥādīth al-Mushtarah*, dir. dan t.q. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā, c. 1, 1 j. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- ‘Itr, Nūr al-Dīn (1981), *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, c.3, Dimashq: Dār al-Fikr.
- Ibn Kathīr, Ismā’īl b. Umar b. Kathīr al-Qurashī al-Dimashqī (2000), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, t.q. Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad *et al*, c. 1, Jīzah : Mu’assasah Qurtubah.
- Ibn Manẓūr (t.t), *Lisān al-‘Arab*, 1 j.T.tp: Dār al-Ma’ārif.
- Māhir Maṣṣūr ‘Abd al-Razzāq (2002), *al-Ḥadīth al-Ḍa’if: Asbābuh wa Ahkāmuh*, c. 1, al-Manṣūrah : Dār al-Yaqīn.
- Muḥammad Ḥamīd Allāh (1983), *Majmū’ah al-Wathā’iq al-Siyāsiyyah li al-‘Ahd al-Nabawī wa al-Khilāfah al-Rāshidah*, c. 4, Bayrūt: Dār al-Nafā’is.
- Muḥammad b. Muḥammad Abū Shahbah (t.t), *al-Wasīṭ fī ‘Ulūm wa Muṣṭalah al-Ḥadīth*, al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- Muḥammad Maḥmud Aḥmad Bakkār (2012), *Bulūgh al-Amal min Muṣṭalah al-Ḥadīth wa al-Rijāl*, c. 1, al-Qāhirah: Dār al-Salām.
- Rif’at Fawzī ‘Abd al-Muttalib (2011), *al-Madkhal ilā Manāhij al-Muḥaddithīn: al-Usus wa al-Taṭbīq*, c. 2, al-Qāhirah: Dār al-Salām.

**Laman Web**

Al-Nazāfah min al-Īmān, [www. qaradawi. Net](http://www.qaradawi.Net) > new > Articles-8484

Al-Şiyām Ukhalliş al-Jism min al-Khalāyā al-Tālifah Al Jazeera > news > healthmedicine

Fatāwa wa Aḥkām li al-Shaykh Yūsuf al-Qaradawī. [www.djelfa.info/vb/archive/index.php/t-807342.html](http://www.djelfa.info/vb/archive/index.php/t-807342.html)